



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8586/090/Jld.5/(11)

Tarikh : 12 September 1994

Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Jabatan Pendidikan Negeri

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/1994 :
Usaha Menanam Semangat Patriotisme Di Kalangan Pelajar
Dan Senaman Ringkas Dalam Bilik Darjah**

Semangat patriotisme merupakan intipati keutuhan negara dan kesejahteraan rakyatnya. Menanam semangat patriotisme adalah menjadi sebahagian daripada aspek pendidikan menyeluruh dan bersepadau. Sebagai rakyat Malaysia, setiap pentadbir sekolah, guru dan pelajar hendaklah bersama-sama mengambil sikap yang serius mengenai soal taat setia dan cinta yang tidak berbelah bagi kepada negara.

2. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia telah mendarahkan supaya semangat patriotisme di tanam melalui upacara-upacara seperti berikut :

2.1 Menaikkan bendera Malaysia dan menyanyikan lagu kebangsaan, Negaraku

2.2 Melafazkan ikrar taat setia

3. Upacara menaikkan bendera, menyanyikan lagu kebangsaan dan melafazkan ikrar, sebaik-baiknya dijalankan dalam perhimpunan mingguan atau harian. Sekiranya upacara-upacara tersebut tidak dapat dijalankan secara perhimpunan beramai-ramai pada setiap minggu atau setiap hari, ianya hendaklah dijalankan serentak di dalam bilik darjah masing-masing setiap hari pada waktu-waktu yang sesuai mengikut budi bicara pihak sekolah. Bagi sekolah-sekolah yang mempunyai sistem siar raya yang baik, kemudahan ini patut digunakan bagi menentukan supaya upacara-upacara dapat dijalankan secara serentak bagi seluruh sekolah.


4. Adalah diingatkan supaya upacara-upacara menanam semangat patriotisme dijalankan secara terhormat, serius dan penuh pengertian serta penghayatan oleh setiap pendidik dan pelajar. Contoh lafaz ikrar disertakan.

5. Bagi menentukan kecergasan pelajar, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyarankan supaya senaman ringkas diadakan di dalam bilik darjah sebelum guru memulakan pengajaran pada waktu pertama.

6. Kementerian Pendidikan berharap upacara-upacara berkaitan dengan patriotisme dan senaman ringkas beramai-ramai dalam bilik darjah dapat dilaksanakan di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dengan serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia

Contoh Lafaz Ikrar Pelajar/Guru

Saya, (sebutkan nama) sebagai seorang rakyat Malaysia, dengan penuh kesedaran dan kesyukuran, membuat ikrar akan sentiasa memberi serta menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara Malaysia yang saya cintai. Saya berikrar akan sentiasa menjunjung prinsip-prinsip rukun negara pada setiap masa.